

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلٰوةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَنْبِياءِ وَالْمُرْسَلِينَ ،
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، اللّٰهُمَّ عَلِمْنَا مَا يَنْفَعُنَا وَانْفَعْنَا بِمَا عَلِمْتَنَا
وَزِدْنَا عِلْمًا وَارْزُقْنَا فَهْمًا ، اللّٰهُمَّ هُدًى لِلنَّاصِيَةِ ، وَبَعْدُ.

ISU-ISU HUKUM DALAM PERLAKSANAAN IBADAT HAJI¹

Oleh:

Haji Awang Mohamad Raimi bin Awang Tengah

Pegawai Istinbat Kanan

Haji Martino@Abdul Azim bin Haji Ahmad

Pegawai Buhuth

Muqaddimah

Ibadat haji dan umrah merupakan rukun Islam yang kelima dan wajib ditunaikan bagi setiap orang Islam yang berkemampuan. Setiap tahun ada sahaja orang yang menunaikan ibadat haji malah ada juga yang dalam kategori menunggu giliran. Syarikat pengendali pakej haji dan umrah juga aktif membuka tawaran untuk menunaikan ibadat umrah pada sepanjang tahun. Maka dalam melaksanakan ibadat haji dan umrah sering sahaja ada persoalan-persoalan yang ditimbulkan oleh sebahagian jemaah terutamanya jemaah yang terdiri daripada orang-orang awam.

¹ Kertas kerja ini dibentangkan dalam Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji Bagi Musim Haji Tahun 1441H/2020M, Anjuran Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam, pada hari Selasa, 17hb. Jamadilakhir 1441H bersamaan dengan 11hb. Februari 2020M.

Dalam konteks musim haji tahun 1441H/ 2020M ini, Jabatan Urusan Haji telah mengemukakan tiga (3) persoalan kepada Jabatan Mufti Kerajaan. Kertas kerja ini akan mencuba menjelaskan tiga (3) persoalan yang ditimbulkan tersebut. Isu-isu tersebut adalah berkaitan dengan Tempoh Kadar wajib *Mabit* (Bermalam) Di Mina, Bercukur atau Bergunting dan Memakai Kasut Dan Selimut Semasa Dalam Ihram.

Dengan kemampuan yang ada, penulis mencuba sedaya upaya untuk memberikan pencerahan jawapan berkaitan persoalan-persoalan tersebut berdasarkan kitab-kitab fiqh mazhab Syafi‘e. Selain itu juga berdasarkan Fatwa Mufti Kerajaan dan Irsyad Hukum keluaran Jabatan Mufti Kerajaan. Penulis juga akan mencuba menjawab persoalan yang ditimbulkan dalam sesi soal jawab nanti jika penulis yakin akan jawapan berkenaan persoalan tersebut, tetapi jika penulis merasa tidak yakin maka persoalan tersebut akan diteliti dan dikaji terlebih dahulu.

Format penulisan kertas kerja ini adalah dalam bentuk soal-jawab adalah supaya memudahkan para pembaca untuk mengikuti dan memahami setiap persoalan yang dibincangkan.

Oleh itu, penulis berharap agar kertas kerja ini akan menjadi bahan rujukan yang sangat bernilai dalam menjadikan ibadat haji dan umrah yang dilaksanakan nanti akan lebih sempurna dan teratur lebih-lebih lagi mendapat pahala haji yang mabrur dan diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala*.

Semoga dengan pencerahan ini akan mengurangkan keraguan dan menambahkan keyakinan dalam menunaikan ibadat haji dan umrah sama ada kepada para pegawai haji yang bertugas khususnya dan mahupun para jemaah haji amnya.

Soalan Pertama:

Maksud bermalam di Mina ialah berada di Mina atau di mana-mana kawasan dalam Mina sama ada lebih daripada setengah atau keseluruhan malam pada malam *Tasyriq* 11, 12 & 13 Zulhijjah.

Persoalannya:

Berapakah sekurang-kurang kadar tempoh wajib *mabit* di Mina menurut mazhab asy-Syafi‘e?

Mabit atau bermalam di Mina adalah antara perkara wajib Haji. Waktunya ialah daripada terbenam matahari sehingga terbit fajar pada hari-hari *Tasyriq* iaitu malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah. Menurut pendapat *al-Ashah* dalam mazhab Asy-Syafi‘e, bahawa bermalam di Mina pada hari-hari *Tasyriq* adalah salah satu daripada wajib-wajib haji, jika ditinggalkan oleh orang yang mengerjakan ibadat haji tanpa sebarang keuzuran, wajib ke atasnya membayar *dam*.

Maka adalah wajib bagi orang haji *mabit* atau berada di Mina dalam tempoh sebahagian besar malam iaitu pada 11 dan 12 Zulhijjah bagi yang hendak melakukan *Nafar awwal*. Akan tetapi jika dia masih berada di Mina sehingga terbenam matahari pada malam 13 Zulhijjah maka wajib ke atas orang haji itu juga *mabit* atau bermalam di Mina pada malam ke 13 Zulhijjah dan melontar *Jamrah* yang tiga bagi hari tersebut. Melakukan *Nafar Thani* iaitu *mabit* atau bermalam di Mina sehingga malam ke 13 Zulhijjah itu adalah lebih sempurna berbanding melakukan *Nafar*

awwal iaitu *mabit* atau bermalam di Mina hanya sehingga malam ke 12 Zulhijjah.²

Firman Allah *Subhanahu Wa Ta ‘ala* dalam surah al-Baqarah, ayat 201:

وَذَكُّرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ فَمَن تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَن تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

Tafsirnya: “Berzikirlah dengan mengingati Allah dengan (mengucapkan takbir) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya (iaitu pada hari-hari Tasyriq). Kemudian sesiapa yang bersegera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua (dan selepas dia melontar Jamrah pada hari itu) maka tidaklah ia berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina dan melontar hingga ke hari tiga belas) maka dia juga tidaklah berdosa, (ketiadaan dosa bagi keduanya itu ialah) bagi orang-orang yang bertaqwah. Maka bertaqwalah kamu kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadaNya.”

- Apakah maksud berada di Mina pada *mu ‘zham al-lail* atau sebahagian besar malam itu?

Imam asy-Syibramalissi *Rahimahullahu Ta ‘ala* menghuraikan perkataan *mu ‘zham al-lail* atau sebahagian besar malam itu dengan berkata:

² Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaf, Kitab *at-Taqirat as-Sadidah Fi al-Masail al-Mufidah*, Dar al-Mirats an-Nabawi, hlm 498. Al-Ustaz ad-Doktor Muhammad az-Zuhaili, Kitab *al-Mu ‘tamad Fi Fiqh asy-Syafi ‘e*, Dar al-Qalam, Jil 2, hlm 392.

(وَالْوَاجِبُ فِيهِ مُعْظَمُ الْلَّيْلِ) هَذَا يَتَحَقَّقُ إِمَّا زَادَ عَلَى النِّصْفِ وَلَوْ بِلَحْظَةٍ.³

Ertinya: “(Dan kedudukan hukum wajib (*mabit* atau bermalam di *Mina*) ialah pada sebahagian besar malam). Ini boleh dicapai dengan (berada di *Mina*) melebihi setengah malam walaupun seketika.”

Maka orang haji wajib *mabit* atau bermalam di *Mina* itu pada kadar melebihi setengah malam walaupun seketika.

- Bagaimanakah pengiraan setengah malam itu?⁴

Pembahagian pengiraan setengah malam bagi *mabit* atau bermalam di *Mina* itu adalah dengan membahagi dua tempoh jam malam tersebut yang mana kiraannya bermula dari masuk matahari (permulaan waktu Maghrib) sehingga terbit fajar (permulaan waktu Subuh).

³ Asy-Syibrimalissi, Abi adh-Dhiya Nur ad-Din ‘Ali bin ‘Ali asy-Syibrimalissi al-Qahiri, Kitab *Nihayah al-Muhtaj*, Jil 3, hlm 309. Asy-Syeikh al-Islam al-‘Alamah asy-Syeikh Sulaiman al-Jamal, Kitab *Hasyiah al-Jamal*, Dar al-Ihya at-Thurats, Jil 2, hlm 470. Muhammad bin ‘Umar bin ‘Ali bin Nawawi al-Jawi Abu Abdul al-Mu’thi, Kitab *Nihayah az-Zin Fi Irsyad al-Mubtadiin*, Dar al-Fikri, Jil 1, hlm 210. Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Husaini al-Hushni ad-Dimashqi asy-Syafi‘e, Kitab *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Ghayah al-Ikhtishar*, Maktabah Mishkah al-Islamiyyah, Jil 1, hlm 219.

⁴ Fatwa 2004: Maksud separuh malam.

Untuk lebih jelas digambarkan kedudukan bermula waktu malam itu mengikut kalender Islam. Waktu malam mengikut kalendar Islam bermula dari terbenamnya matahari (iaitu masuk waktu maghrib) hingga terbit fajar (iaitu masuk waktu subuh). Sebagai contoh jika waktu Maghrib bermula pada pukul 6.30 malam dan waktu Subuh pula bermula pada pukul 4.30 pagi, maka untuk mengetahui waktu setengah malam itu ialah dengan membahagikan tempoh jam antara waktu masuk Maghrib dan waktu masuk Subuh yang panjangnya 10 jam itu kepada dua bahagian. Hasilnya, tempoh waktu setengah malam itu adalah selama lima jam.

Maka jika orang haji itu berada di Mina dari permulaan waktu malam (iaitu permulaan masuk waktu Maghrib iaitu 6.30 malam), maka dia wajib *mabit* atau bermalam di Mina dalam tempoh waktu melebihi lima jam walaupun kadar waktu lebih itu hanya *selahzhah* iaitu seketika sahaja. Umpamanya lebih seminit dari waktu separuh malam (lima jam) itu iaitu berada di Mina sehingga jam 11.31 malam.

Maka dengan berada di Mina sehingga jam 11.31 malam itu, maka tertunailah tuntutan wajib *mabit* atau bermalam di Mina. Sementara jika orang haji itu berada di Mina kurang daripada setengah malam sebagaimana yang telah dijelaskan di atas maka kedudukan *mabit* atau bermalamnya itu adalah tidak sah dan dia wajib membayar *dam* dengan menyembelih binatang melainkan jika ada keuzuran.

- Apakah keuzuran-keuzuran yang mengharuskan tidak *mabit* atau bermalam di Mina itu?⁵

⁵ Fatwa 13/1998, Tajuk: Keuzuran yang mengharuskan tidak bermalam (*mabit*) di Mina tanpa dam.

Ada beberapa keadaan orang haji yang diharuskan tidak bermalam di Mina tanpa membayar *dam* yang disebabkan oleh keuzuran yang mereka hadapi sebagaimana disebutkan oleh Imam an-Nawawi *Rahimahullahu Ta'ala* dalam kitab beliau *Al-Idhah Fi Manasik Al-Haj Wa Al-'Umrah*:

الثالثُ: مَنْ لَهُ عُذْرٌ بِسَبِّبِ آخَرَ كَمَنْ لَهُ مَالٌ يَخَافُ ضِيَاعَهُ لَوْ اشْتَغَلَ بِالْمَيِّتِ أَوْ يَخَافُ عَلَى نَفْسِيهِ أَوْ مَالٍ مَعْهُ أَوْ لَهُ مَرِيضٌ يَحْتَاجُ إِلَى تَعْهِدِهِ أَوْ يَطْلُبُ عَبْدًا آِبَقًا أَوْ يَكُونُ بِهِ مَرَضٌ يَسْقُطُ مَعَهُ الْمَيِّتُ أَوْ نَحْوَ ذَلِكَ فَالصَّحِيحُ أَنَّهُ يَجُوزُ لَهُمْ تَرْكُ الْمَيِّتِ وَلَهُمْ أَنْ يَنْفِرُوا بَعْدَ الْغُرُوبِ وَلَا شَيْءٌ عَلَيْهِمْ.⁶

Ertinya: “Yang ketiga (mereka yang dibolehkan meninggalkan bermalam di Mina tanpa membayar *dam*): orang yang ada baginya keuzuran dengan sebab yang lain, seperti orang yang takut kehilangan hartanya kalau dia bermalam atau dia takut ke atas dirinya atau harta yang bersamanya atau baginya orang sakit yang memerlukan kepada penjagaannya atau dia mencari hamba yang lari atau keadaan dirinya yang sakit yang menyusahkan untuknya bermalam atau yang seumpama demikian, maka (mengikut pendapat yang shahih) bahawa harus bagi mereka ini meninggalkan bermalam dan bagi mereka meninggalkan (Mina) selepas terbenam matahari dan tidak dikenakan sesuatu (*dam*) ke atas mereka”

⁶ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, *Kitab al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah, Beirut, cet. 5, 1424H/2003M, hlm. 362.

Begin juga disebutkan oleh Imam Asy-Sayyid Al-Bakri *Rahimahullahu Ta‘ala* dalam kitab I‘anah Ath-Thalibin, beliau berkata:

وَيَسْقُطُ الْمَبِينُ مُطْلَقاً أَيْضًا عَنْ خَائِفٍ عَنْ نَفْسٍ أَوْ عُضُوٍّ أَوْ بُضْعٍ أَوْ مَالٍ وَإِنْ قَلَّ.⁷

Ertinya: “*Dan gugur (hukum wajib) bermalam secara mutlak juga, daripada orang yang takut (terjadi apa-apap) kepada diri atau anggota atau kemaluhan atau harta walaupun sedikit*”

Dari itu, jelaslah bahawa terdapat keadaan-keadaan orang haji yang diharuskan meninggalkan *mabit* atau bermalam di Mina disebabkan keuzuran tanpa dikenakan membayar dam sebagaimana disebutkan oleh para ulama.

- Apakah dam bagi orang yang meninggalkan bermalam di Mina tanpa sebarang keuzuran?

Sebagaimana disebutkan sebelum ini bahawa berdasarkan pendapat *Al-Ashah* dalam mazhab Asy- Syafi‘e, *mabit* atau bermalam di Mina pada hari-hari *Tasyriq* adalah salah satu daripada wajib-wajib haji. Oleh itu, jika orang yang mengerjakan ibadat haji meninggalkan *mabit* atau bermalam di Mina tanpa sebarang keuzuran maka diwajibkan ke atasnya membayar dam.

⁷ Al-Bakri, Abu Bakar Utsman bin Muhammad Syatha ad-Dimyathi asy-Syafi‘e, Kitab *I‘anah ath-Thalibin ‘Ala Halli Alfahz Fath al-Mu‘in*, Dar al-Fikri, Jil 2, hlm 346.

Ada empat jenis dam dalam ibadat haji dan umrah, iaitu; dam *tertib* dan *taqdir*, dam *tertib* dan *ta ‘dil*, dam *takhyir* dan *ta ‘dil* dan dam *takhyir* dan *taqdir*.⁸ Dam bagi orang haji yang meninggalkan *mabit* atau bermalam di Mina adalah termasuk di bawah dam *tertib* dan *taqdir* iaitu dam bagi orang yang melakukan haji *tamattu’*, haji *qiran*, meninggalkan ihram di miqat, tidak melontar *Jamrah*, tidak bermalam di Muzdalifah dan tidak melakukan thawaf wada’.⁹

Damnya ialah menyembelih seekor kambing. Jika tidak mampu wajib berpuasa sepuluh hari, tiga hari semasa haji dan tujuh hari setelah pulang ke tanah air.¹⁰

Kesimpulan

- *Mabit* atau bermalam di Mina pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah adalah merupakan salah satu dari perkara wajib haji.
- Orang haji yang melakukan *Nafar Awwal* adalah wajib *mabit* atau berada di Mina dalam tempoh sebahagian besar malam pada 11 dan 12 Zulhijjah.
- Orang haji yang melakukan *Nafar Thani* adalah wajib *mabit* atau berada di Mina dalam tempoh sebahagian besar malam pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

⁸ Ibnu Hajar al-Haithami, Kitab *Hasyiah Ibnu Hajar aHaithami ‘ala Syarh al-Idhah Fi Manasik al-Haj lil Imam an-Nawawi*, Dal al-Hadits, Beirut-Lubnan, hlm. 521.

⁹ Ibid. hlm 522.

¹⁰ Ibid. hlm 527.

- Melakukan *Nafar Thani* iaitu *mabit* atau bermalam di Mina sehingga malam ke 13 Zulhijjah adalah lebih sempurna berbanding melakukan *Nafar awwal*.
- Meninggalkan *mabit* atau bermalam di Mina pada 11, 12 dan 13 Zulhijjah tanpa sebarang keuzuran wajib membayar dam iaitu dengan menyembelih seekor kambing, dan jika tidak mampu wajib berpuasa sepuluh hari, tiga hari semasa haji dan tujuh hari setelah pulang ke tanah air.
- Tempoh waktu wajib *mabit* atau bermalam di Mina adalah *mu'zham al-lail* atau sebahagian besar malam iaitu melebihi setengah malam walaupun *selahzhah* iaitu seketika.
- Perkiraan waktu malam itu adalah bermula dari terbenamnya matahari iaitu permulaan waktu Maghrib sehingga terbit fajar iaitu permulaan waktu Suboh. Manakala perkiraan setengah malam pula adalah selama lima jam jika panjang malamnya 10 jam iaitu setelah membahagikan dua tempoh jam antara waktu Maghrib (contohnya jika bermula jam 6.30 malam) dan waktu Subuh (contohnya jika bermula jam 4.30 pagi). Namun tempoh wajib *mabit* atau bermalam di Mina itu hendaklah melebihi setengah malam iaitu melebihi lima jam tersebut walaupun *selahzhah*.
- Dalam contoh di atas, jika orang haji itu berada di Mina pada permulaan waktu Maghrib (6.30 malam), dia wajib berada di Mina sehingga melebihi jam 11.30 malam walaupun seketika umpamanya seminit sehingga jam 11.31 malam bagi memenuhi tuntutan wajib *mabit* atau bermalam di Mina pada *mu'zham al-lail* atau sebahagian besar malam.

Soalan Kedua:

Seorang Jemaah haji dikatakan telah melakukan Tahallul Thani apabila melakukan ketiga perkara berikut:

- 1. Melontar Jamrah al-Aqabah (10 Zulhijjah)**
- 2. Melakukan Tawaf Ifadhah dan Sai‘e**
- 3. Bergunting atau bercukur**

Persoalannya:

Jika Jemaah haji bertahallul awal dengan mengerjakan tawaf Ifadhah, Sai‘e dan bergunting atau bercukur, Adakah perlu Jemaah haji berkenaan bergunting atau bercukur sekali lagi untuk Tahallul Tsani selepas melontar Jamrah al-Aqabah?; dan Apakah hukum bergunting atau bercukur untuk Tahallul Tsani tersebut?

Jawapan:

Bercukur atau bergunting rambut merupakan rukun di dalam ibadah haji dan umrah. Mana-mana yang dilakukan adalah memadai tetapi yang lebih afodal adalah bercukur. Firman Allah Ta‘ala dalam surah al-Fath, ayat 27:

لَتَدْخُلُنَ الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ إِن شَاءَ اللَّهُ أَمْنِينَ مُحَلِّقِينَ رُءُوسَكُمْ وَمُقَصِّرِينَ لَا تَخَافُونَ

Tafsirnya: Bahawa Engkau pasti akan memasuki Masjidilharam, Insya Allah dalam keadaan aman (menyempurnakan ibadat umrah) dengan mencukur kepala kamu dan menggunting sedikit rambut kamu sedang kamu tidak merasa takut.

Tidak sah haji atau umrah jika seorang itu tidak melakukannya (bercukur atau bergunting), dan tidak boleh diganti dengan membayar dam atau selainnya.¹¹ Imam an-Nawawi *rahimahullah* berkata:

وَالْقُولُ الثَّانِي وَهُوَ الصَّحِيفُ أَنَّهُ نُسُكٌ مَأْمُورٌ بِهِ وَهُوَ رَكْنٌ لَا يَصْحُّ الْحَجُّ إِلَّا بِهِ وَلَا يُجْبَرُ بِدَمٍ وَلَا
غَيْرِهِ وَلَا يَفْوَتُ وَقْتُهُ مَا دَامَ حَيًّا¹²

Ertinya: Pendapat kedua dan ia adalah pendapat yang shahih sesungguhnya bercukur itu adalah ibadah yang diperintahkan dan ia adalah rukun, tidak sah haji melainkan dengan melakukan perbuatan (bercukur) tersebut, dan tidak boleh ditampal/diganti dengan dam atau selainnya dan tidak pula luput waktunya selagi mana masih hidup.

Waktu Bercukur

Waktu bercukur ialah pada pertengahan malam raya haji 10 Dzulhijjah iaitu setelah melakukan wuquf di Arafah. Walau bagaimanapun ia afdhal dilakukan selepas menyembelih binatang.

Imam Al-Kurdi *rahimahullah* berkata:

¹¹ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu‘ Syarh al-Muhadzdzab*, Dar al-Fikr, Beirut, jil.8, hlm 151.

¹² An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-‘Umrah*, Dar al-Basya’ir al-Islamiyyah, Beirut, cet. 5, 1424H/2003M, hlm. 342-343.

وَيُشْتَرِطُ أَنْ يَكُونَ بَعْدَ الْوُقُوفِ بِعْرَفَةَ ، وَبَعْدَ اِنْتِصَافِ لَيْلَةِ النَّحْرِ فِي الْحَجَّ ، لَكِنَّ أَفْضَلَ أَوْقَاتِهِ أَنْ يَكُونَ عَقْبَ النَّحْرِ، وَلَا يَخْتَصُ بِمَكَانٍ لَكِنَّ الْأَفْضَلَ أَنْ يَكُونَ إِمْبَيْ فَلَوْ فَعَلَهُ فِي بَلَدٍ آخَرَ إِمَّا وَطْنُهُ وَإِمَّا فِي غَيْرِهِ جَازَ ، وَلَكِنَّ لَا يَزَالُ حُكْمُ الْإِحْرَامِ جَارِيًّا عَلَيْهِ حَتَّى يَحْلُقُ.¹³

Ertinya: Disyaratkan (bercukur) hendaklah selepas wuquf di Arafah dan selepas masuk pertengahan malam hari Nahar pada waktu haji, akan tetapi yang lebih afdhal waktunya ialah selepas menyembelih binatang korban. (Bercukur) itu tidak ditentukan tempat bahkan yang lebih afdhal bercukur di Mina, maka jika dia melakukannya di negeri lain sama ada di negerinya atau pun di tempat lain, maka hukumnya adalah harus tetapi hukum berihram itu masih ada (kekal) padanya sehinggalah dia bercukur.

Cara Bergunting atau Bercukur

- i. Wajib bergunting sekurang-kurangnya tiga helai rambut sudah memadai. Walau bagaimanapun sunat menggunningnya tidak kurang daripada kadar hujung jari.
- ii. Sunat menghadap kiblat ketika bercukur atau bergunting dan sunat menanam rambutnya.¹⁴
- iii. Sunat memulakan cukuran atau guntingan pada bahagian depan kepalanya kemudian sebelah kanan dari awal hingga akhir kemudian sebelah kiri dan selebihnya serta mencukur sehingga ditepi atau cuping telinganya.

¹³ Al-Kurdi, Muhammad Thahir bin ‘Abdul Qadir bin Mahmud. *Irsyad az-Zumrah Li Manasik al-Hajj Wa al-'Umrah*, Mushtafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh BiMishr, Mishr. Hlm 97. An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, *Kitab al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, hlm. 343.

¹⁴ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu 'Syarh al-Muhadzdzab*, jil.8, hlm 150. An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-'Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, cet.5, hlm 343-347.

- iv. Bercukur atau bergunting rambut sekaligus (sekali waktu) secara keseluruhan bagi lelaki. Yang afdhalnya bercukur. Jika dia bercukur atau bergunting sebanyak tiga helai rambut dalam waktu yang berbeza (misalnya terpaut/terikat satu atau dua minit), maka adalah memadai (sah) tetapi dia tidak mendapat fadhilat.¹⁵ Adapun jika dia menghilangkan sehelai rambut (yang sama) tiga kali dalam satu waktu, maka tidaklah memadai (tidak sah).¹⁶

- v. Sunat bagi perempuan bergunting sahaja dengan kadar ujung jari¹⁷ sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Ibn ‘Abbas *radhiallahu ‘anhuma*, Rasulullah *shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

لَيْسَ عَلَى النِّسَاءِ حَلْقٌ إِنَّمَا عَلَى النِّسَاءِ التَّقْصِيرُ

(رواه أبو داود)

Maksudnya: Tidaklah ke atas perempuan bercukur, sesungguhnya ke atas perempuan itu hanyalah bergunting sahaja.

(Hadits riwayat Abu Daud)

- vi. Bagi siapa yang tidak mempunyai rambut di kepalanya tidaklah perlu ke atasnya bercukur dan tidak pula membayar fidyah, dan sunat hukumnya (tidak wajib) dia melalukan mata pisau di atas kepalanya¹⁸. Imam an-Nawawi *rahimahullah* berkata:

¹⁵ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-‘Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-‘Umrah*, cet.5, hlm 344. An-Nawawi, *al-Majmu ‘Syarh al-Muhadzdzab*, jil.8, hlm 150.

¹⁶ Al-Kurdi, Muhammad Thahir bin ‘Abdul Qadir bin Mahmud. *Irsyad az-Zumrah Li Manasik al-Hajj Wa al-‘Umrah*, Mushtafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh BiMishr, Mishr. Hlm 97.

¹⁷ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu ‘Syarh al-Muhadzdzab*, jil.8, hlm 151.

¹⁸ Ibid. hlm 154.

إِذَا لَمْ يَكُنْ عَلَى رَأْسِهِ شَعْرٌ بِأَنْ كَانَ أَصْلَعَ أَوْ مَحْلُوقًا فَلَا شَيْءَ عَلَيْهِ فَلَا يَلْزَمُهُ فِدْيَةٌ وَلَا إِمْرَأُ الْمُوسَى وَلَا غَيْرُ ذَلِكَ لِمَا ذَكَرَهُ الْمُصَنِّفُ وَلَوْ نَبَتْ شَعْرٌ بَعْدَ ذَلِكَ لَمْ يَلْزَمُهُ حَلْقٌ وَلَا تَقْصِيرٌ بِلَا خِلَافٍ لِأَنَّهُ حَالَةُ التَّكْلِيفِ لَمْ يَلْزَمُهُ. قَالَ الشَّافِعِيُّ وَالْأَصْحَابُ وَيُسْتَحْبِطُ لِمَنْ لَا شَعْرَ عَلَى رَأْسِهِ إِمْرَأُ الْمُوسَى عَلَيْهِ وَلَا يَلْزَمُهُ ذَلِكَ بِلَا خِلَافٍ عِنْدَنَا¹⁹

Ertinya: Jika kepalanya tidak ada rambut, seperti botak atau sudahpun bercukur (gundul), maka tidak ada denda apapun ke atasnya, tidak juga membayar fidyah atau melalukan pisau cukur atau yang lainnya, berdasarkan yang disebutkan oleh pengarang. Jika selepas itu rambutnya tumbuh, tidak ada kewajipan untuk mencukur atau mengguntingnya tanpa *khilaf* kerana ketika waktu *tahallul*, tidak ada kewajiban bagi dia untuk itu. Imam as-Syafi‘e dan para sahabat Syafi‘eyyah *rahimahumullah* berkata: Disunatkan bagi orang yang tidak mempunyai rambut di kepalanya untuk melalukan pisau cukur di atas kepalanya, dan ini tidak wajib, tanpa ada perbezaan pendapat di kalangan kami.

Tahallul Hajji

Tahallul ialah melepaskan diri daripada larangan dalam ihram.

Menurut as-Sayyid Muhammad ‘Abdullah al-Jardani *rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-‘Allam*, ibadat haji itu ada dua peringkat *tahallul*, iaitu:

¹⁹ Ibid. hlm 149.

1. *Tahallul* Awal.

Tahallul awal terhasil apabila seseorang itu selesai melakukan dua daripada tiga perkara berikut, iaitu:

- a. Melontar *jamrah al-‘Aqabah* pada hari Nahar.
- b. Bercukur atau menggunting rambut.
- c. Mengerjakan tawaf *ifadhah* dan diikuti dengan *sa‘ie*.

Terdapat beberapa cara perlaksanaan dua daripada tiga perkara di atas sebagai *tahallul awal*:

- i. Melontar *jamrah al-‘Aqabah* kemudian mencukur atau menggunting rambut, atau
- ii. melontar *jamrah al-‘Aqabah* kemudian melakukan tawaf *ifadhah* diikuti dengan *sa‘ie*, atau
- iii. mencukur atau menggunting rambut kemudian melontar *jamrah al-‘Aqabah*, atau
- iv. mencukur atau menggunting rambut kemudian melakukan tawaf *ifadhah* diikuti dengan *sa‘ie*, atau
- v. melakukan tawaf *ifadhah* diikuti dengan *sa‘ie* kemudian melontar *jamrah al-‘Aqabah*, atau
- vi. melakukan tawaf *ifadhah* diikuti dengan *sa‘ie* kemudian mencukur atau menggunting rambut.

Dan dihalalkan baginya selepas menyempurnakan *tahallul* awal melakukan semua larangan ihram kecuali akad nikah, *jima‘* (bersetubuh) dan pendahuluan *jima‘*.²⁰

²⁰ Al-Jardani, As-Sayyid Muhammad ‘Abdullah. Kitab *Fath al-‘Allam bi Syarh Mursyid al-Anam*, Dar Ibn Hazm, Beirut, Cet.4, 1418H/1997M, Jil.4, hlm 295-296.

2. *Tahallul Tsani*

Apabila seseorang itu selesai melakukan tiga perkara di atas iaitu melontar jamrah al-‘Aqabah, bercukur atau bergunting rambut dan mengerjakan tawaf ifadahah dan diikuti dengan sa‘ie; maka terhasillah *tahallul tsani*. Menurut *ijma‘ ulama*, dihalalkan baginya baki daripada perkara-perkara yang dilarang ketika berihram.²¹ Imam al-Khathib asy-Syarbini *rahimahullah Ta‘ala* berkata:

(وَإِذَا فَعَلَ الْثَالِثَ) بَعْدَ الْإِثْنَيْنِ (حَصَلَ التَّحَلُّلُ الثَّانِي وَحَلَّ بِهِ بَاقِي الْمُحَرَّمَاتِ) بِالْإِجْمَاعِ وَيَحْبُبُ
عَلَيْهِ الْإِتْيَانُ بِمَا بَقِيَ مِنْ أَعْمَالِ الْحَجَّ وَهُوَ الرَّمَيُ وَالْمَبْيَثُ ..²²

Ertinya: (*Apabila melakukan yang ketiga selepas dua perkara (terhasillah tahallul tsani dan dihalalkan baginya baki daripada perkara-perkara yang dilarang ketika berihram) menurut sepakat ulama, dan wajib ke atasnya melakukan baki daripada pekerjaan haji iaitu melontar (ketiga-tiga jamrah) dan mabit (bermalam di Mina).*

Berdasarkan penjelasan di atas, jika Jemaah haji bertahallul awal di Makkah dengan mengerjakan Tawaf Ifadahah, Sai‘e dan bergunting atau bercukur, Maka tidaklah perlu Jemaah haji berkenaan bergunting atau bercukur sekali lagi untuk Tahallul Tsani selepas melontar Jamrah al-Aqabah kerana dia telah pun melakukannya bercukur). Melainkan jika dia belum bercukur umpamanya dia melontar Jamrah al-Aqabah kemudian bertolak ke Makkah untuk thawaf dan diikuti dengan sai‘e maka terhasillah Tahallul Awal dan selepas itu jemaah haji perlu bergunting atau bercukur untuk melaksanakan Tahallul Tsani.

²¹ Ibid. hlm.297

²² Asy-Syarbini, Asy-Syeikh Syamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, cet. 1, 1419H/1998M, jil.1, hlm. 679.

Walau bagaimanapun, amalan sesetengah orang yang bergunting beberapa helai rambut untuk bertahallul dan kemudian setelah beberapa waktu barulah dia bercukur (dia tidak bercukur serta merta sebaik sahaja dia selesai melontar jamrah al-aqabah atau sai‘e), maka tidaklah ia dianggap sebagai maksud bercukur seluruh rambut sebagaimana yang disunatkan, Akan tetapi ia dianggap sebagai cukuran biasa sahaja kerana telah berlalu waktunya.²³

Menghilangkan rambut samada bercukur atau bergunting rambut sekaligus dilakukan dalam satu waktu secara keseluruhan bagi lelaki sebagaimana pendapat ulama. Yang afdhalnya bercukur. Jika dia bercukur atau bergunting sebanyak tiga helai rambut dalam waktu yang berbeza (misalnya terpaut/terikat satu atau dua minit), maka adalah memadai (sah) tetapi dia tidak mendapat fadhilat.

²³ Irsyad Hukum 2012: Himpunan Siri Bimbingan Hukum di Pelita Bunei, Bandar Seri Begawan, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menetri, 2018. Hlm.115-116.

Soalan Ketiga:

- i. **Apakah hukum bagi Jemaah lelaki yang berihram memakai kasut atau sandal atau selipar yang menutup jari-jari kaki dan tumitnya?; dan**
- ii. **Apakah hukum bagi Jemaah lelaki yang berihram menutup keseluruhan atau sebahagian kakinya dengan kain ihramnya atau selimut atau pun seumpamanya dengan senghaja atau tidak?**

Jawapan:

Berniat *ihram* adalah salah satu rukun haji dan umrah. Menurut ulama' fiqh mazhab Syafi'e *ihram* bermaksud berniat masuk mengerjakan ibadah haji atau umrah atau kedua-duanya sekali.²⁴ Apabila seseorang telah masuk dalam ibadah haji atau umrah maka dia diharamkan melakukan perkara-perkara yang ditegah ketika sedang berihram.

Pakaian *ihram* yang sunat dipakai bagi lelaki ialah terdiri daripada *izar* (sehelai kain yang dipakai di bahagian bawah bagi menutup aurat) dan *rida'* (sehelai kain yang dipakai di bahagian atas sebagai selendang) yang berwarna putih serta baharu dan sunat memakai selipar.²⁵

Adapun perempuan yang hendak melakukan *ihram* haji atau umrah hendaklah memakai pakaian yang menutup seluruh badan melainkan muka dan dua pergelangan tangan²⁶.

²⁴ Asy-Syarbini, asy-Syeikh Shamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Ma'rifah – Beiru Lubnan, jil.1, hlm. 641.

²⁵ Ibid, hlm. 646.

²⁶ Ibid, hlm. 646.

Pakaian Yang Dilarang Ketika Dalam *Ihram*

Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* pernah ditanya mengenai pakaian yang perlu dipakai oleh orang lelaki yang berihram sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar *radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

لَا يَلْبِسُ الْقُمْصَ وَلَا الْعَمَائِمَ وَلَا السَّرَّاوِيَاتِ وَلَا الْبَرَانِسَ وَلَا الْخِفَافَ، إِلَّا أَحَدٌ لَا يَجِدُ نَعْلَيْنِ فَلَيَلْبِسْ خُفَّيْنِ وَلَيَقْطَعْهُمَا أَسْفَلَ مِنَ الْكَعْبَيْنِ. وَلَا تَلْبِسُوا مِنَ الشَّيَابِ شَيْئًا مَسْئَهُ الزَّعْفَرَانُ أَوْ وَرْسُ.

(رواه البخاري)

Maksudnya: Janganlah memakai baju, serban, seluar, jubah yang bertudung kepala dan khuff, kecuali seseorang yang tidak mempunyai selipar, maka pakailah khuff dan potonglah (khuff itu) sampai di bawah buku lali (sehingga nampak buku lali). Dan janganlah kamu memakai dari sesuatu pakaian yang disentuh minyak za'faran atau waras (sejenis tumbuhan yang berbau wangi).

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan larangan memakai beberapa jenis pakaian yang disebut dalam hadits di atas, maka para ulama telah menetapkan bahawa lelaki yang dalam *ihram* haji atau umrah, adalah haram memakai pakaian yang berjahit, bertenuun atau yang diikat. Jika seseorang lelaki yang dalam *ihram* memakai pakaian tersebut dengan tidak ada keuzuran, maka memakainya adalah berdosa dan wajib ke atasnya membayar *fidyah*.

Larangan yang dimaksudkan dengan memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat itu ialah **memakai setiap pakaian yang berjahit khusus dibuat untuk menutupi keseluruhan badan atau sebahagian anggota badan sama ada dengan berjahit, bertenun atau diikat. Maka diharamkan memakai** sama ada pakaian itu diperbuat daripada kulit, kapas, linen dan sebagainya seperti memakai baju, seluar, seluar pendek, baju besi, serban, jubah, *khuff* dan seumpamanya.²⁷

Larangan memakai pakaian yang disebutkan itu diambil kira apabila pemakaianya mengikut cara kebiasaan ia dipakai seperti baju dipakai dengan menyarungkannya ke badan dan seluar dengan menyarungkannya ke bahagian kaki hingga ke pinggang. Sekiranya baju dijadikan selimut atau ia hanya dijadikan seperti *rida*’ iaitu dijadikan seperti kain selendang atau baju itu diletakkan di atas badan dan apabila berdiri nescaya baju itu akan terlucut daripada badan, maka ia diharuskan kerana pemakaian yang sedemikian itu tidak dipakai mengikut cara kebiasaan ia dipakai. Demikian juga harus menjadikan seluar sebagai *izar* iaitu seluar tersebut dijadikan seperti kain yang menutupi pinggang dengan tidak menyarungkannya sepertimana kebiasaan ia dipakai.²⁸

²⁷ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu ‘Syarh al-Muhadzab*, jil.7, hlm 228-229. An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, *Kitab al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, hlm. 148-149. Ibn Hajar, Ibn Hajar, asy-Syeikh Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali Ibn Hajar al-Haitami, *Kitab Hasyiyah al- 'Allamah ibn Hajar al-Haitami 'ala Syarh al-Idhah Fi Manasik al-Hajj*, Dar al-Hadits, Beirut, hlm. 172. Asy-Syarbini, asy-Syeikh Shamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, *Kitab Mughni al-Muhtaj*, jil.1, hlm. 696.

²⁸ An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu ‘Syarh al-Muhadzab*, jil.7, hlm 229. Asy-Syarbini, asy-Syeikh Shamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, *Kitab Mughni al-Muhtaj*, jil.1, hlm. 697.

Namun bagi perempuan yang dalam *ihram* haji atau umrah, mereka tidak dilarang memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat. Mereka hanya dilarang memakai penutup muka dan sarung tangan.²⁹

Memakai Selipar Dan Seumpamanya

Orang yang berihram disunatkan baginya memakai selipar. Imam al-Khathib asy-Syarbini *rahimahullah* menyebutkan:

(وَ) يُسَنُّ أَنْ يَلْبِسَ (نَعْلَيْنِ) لِجَبَرٍ «لِيُخْرِمُ أَحَدُكُمْ فِي إِزَارٍ وَرِدَاءٍ وَنَعْلَيْنِ». ³⁰

Ertinya: *Dan disunatkan memakai sepasang selipar berdasarkan hadits (Hendaklah kamu berihram dengan memakai izar, rida' dan sepasang selipar).*

Maksud selipar yang harus dipakai oleh orang yang berihram ialah selipar yang tidak menutupi kaki. Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* menyebutkan:

وَالْمُرَادُ بِالنَّعْلِ هُنَا مَا يَجُوزُ لِبُسْتُهُ لِلْمُحْرِمِ مِنْ غَيْرِ الْمُحِيطِ كَالْمَدَاسِ الْمَعْرُوفِ الْيَوْمَ وَالْتَّاسُومَةِ
وَالْقُبْقَابِ بِشَرْطٍ أَنْ لَا يَسْتُرَا جَمِيعَ أَصَابِعِ الرِّجْلِ، وَإِلَّا حَرُمًا. ³¹

Ertinya: *Maksud selipar di sini ialah sesuatu yang harus dipakai oleh orang yang ihram daripada yang bukan menutupi (kaki) seperti selipar yang dikenali masa ini (yang dikukuhkan dengan tali di atas jari), capal dan terompah dengan syarat kedua-duanya tidak menutup semua jari-jari kaki, jika tidak, kedua-duanya haram dipakai.*

²⁹ Asy-Syarbini, asy-Syeikh Shamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, Kitab *Mughni al-Muhtaj*, jil.1, hlm. 697-698.

³⁰ Ibid, Jil.1, hlm. 646.

³¹ Ibn Hajar, asy-Syeikh Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali Ibn Hajar al-Haitami, Kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, Beirut, cet. 5, 1434H/2013M, jil. 2, hlm. 65.

Imam asy-Syarwani *rahimahullah* menjelaskan perkataan Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* di atas dengan menyebutkan:

وَالْمُرَادُ بِالنَّعْلِ التَّاسُوْمَةُ وَمِثْلُهَا قَبَّابٌ لَمْ يَسْتُرْ سَيِّرَهُ جَمِيعَ الْأَصَابِعِ أَمَّا الْمَدَاسُ الْمَعْرُوفُ الْآنِ فَيَجُوزُ لُبْسُهُ؛ لِأَنَّهُ غَيْرُ مُحِيطٍ بِالْقَدَمِ.³²

Ertinya: *Dan maksud selipar ialah capal dan seperti capal juga adalah terompah yang pemegangnya tidak menutup semua jari-jari. Adapun selipar yang makruf masa ini maka harus memakainya kerana sesungguhnya ia tidak menutup kaki.*

Maksud selipar yang makruf masa ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Imam asy-Syarwani *rahimahullah* ialah sesuatu yang menjadi pemegangnya dengan tali di atas jari-jari kaki. Ia umpama capal dan terompah yang menampakkan kepala (hujung) jari-jari kaki dan tumit sebagaimana yang disebutkan oleh al-Wana'ie.³³

Berdasarkan penjelasan di atas, maka apa-apa yang menampakkan tumit dan hujung semua jari-jari kaki maka tidak haram dan harus dipakai kerana ia sama seperti memakai selipar. Imam Ibnu Hajar *rahimahullah* menyebutkan:

فَالْخَاصِلُ أَنَّ مَا ظَهَرَ مِنْهُ الْعَقِبُ وَرُءُوسُ الْأَصَابِعِ يَحْلِلُ مُطْلَقًا؛ لِأَنَّهُ كَالنَّعْلَيْنِ سَوَاءٌ وَمَا يَسْتُرُ الْأَصَابِعَ فَقَطْ أَوْ الْعَقِبَ فَقَطْ لَا يَحْلِلُ إِلَّا مَعَ فَقْدِ الْأَوَّلَيْنِ.³⁴

Ertinya: *Maka kesimpulannya bahwasanya apa yang menampakkan tumit dan hujung jari-jari halal memakainya secara muthlak; kerana bahwasanya ia sama*

³² Asy-Syarwani, asy-Syeikh Abdul Hamid asy-Syarwani, *Hawasyi 'ala Tuhfah al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, 1426-1427H/2006M, jil. 4, hlm. 183.

³³ Ibid.

³⁴ Ibid.

seperti selipar. Apa yang menutup jari-jari sahaja atau tumit sahaja adalah tidak halal dipakai kecuali ketika ketiadaan dua yang awal (khuff yang dipotong yang menampakkan tumit dan hujung-hujung jari dan selipar)

Oleh yang demikian, adalah haram bagi orang yang berihram memakai kasut yang menutup jari-jari kaki dan tumitnya. Manakala memakai selipar atau sandal yang menampakkan semua hujung jari-jari kaki dan tumit adalah harus.

Adapun bagi lelaki yang berihram yang menutup keseluruhan atau sebahagian kakinya dengan kain ihramnya atau selimut ataupun seumpamanya adalah tidak haram dan tidak dikenakan fidyah kerana menutup keseluruhan atau sebahagian kaki dengan kain ihram tidak termasuk dalam maksud larangan menutup meliputi keseluruhan badan atau sebahagian anggota badan seperti kaki dengan memakai yang berjahit atau bukan berjahit (bertenun atau diikat) sebagaimana yang telah dijelaskan di atas.

وَاللّٰهُ أَعْلَم

BIBLIOGRAFI

Al-Qur'an al-Karim

An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, Kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*, Beirut: Dar al-Fikr.

An-Nawawi, Imam Yahya bin Syarf an-Nawawi, 1424H/2003M, Kitab *al-Idhah fi Manasik al-Hajj wa al-'Umrah*, Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.

Ibn Hajar, asy-Syaikh Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali Ibn Hajar al-Haitami, 1434H/2013M, Kitab *Tuhfah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.

Ibn Hajar, asy-Syaikh Syihabuddin Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin Ali Ibn Hajar al-Haitami, Kitab *Hasyiyah al-'Allamah ibn Hajar al-Haitami 'ala Syarh al-Idhah Fi Manasik al-Hajj*, Beirut: Dar al-Hadits.

Al-Jardani, As-Sayyid Muhammad 'Abdullah. 1418H/1997M, Kitab *Fath al-'Allam bi Syarh Mursyid al-Anam*, Beirut: Dar Ibn Hazm.

Al-Kurdi, Muhammad Thahir bin 'Abdul Qadir bin Mahmud, Kitab *Irsyad az-Zumrah Li Manasik al-Hajj Wa al-'Umrah*, Mishr: Mushtafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh BiMishr.

Asy-Syibramalissi, Abi adh-Dhiya Nur ad-Din 'Ali bin 'Ali asy-Syibramalissi al-Qahiri, Kitab *Hasyiah Nihayah al-Muhtaj*, Jil 3, hlm 309.

Asy-Syarbini, Asy-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin al-Khathib asy-Syarbini, 1419H/1998M, Kitab *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr.

Asy-Syarwani, asy-Syaikh Abdul Hamid asy-Syarwani, 1426-1427H/2006M, Kitab *Hawasyi 'ala Tuhfah al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr.

Al-Bakri, Abu Bakar Utsman bin Muhammad Syatha ad-Dimyathi asy-Syafi'e, Kitab *I'anah ath-Thalibin 'Ala Halli Alfahz Fath al-Mu'in*, Dar al-Fikri, Jilid 2, Halaman 346.

Asy-Syeikh al-Islam al-'Alamah asy-Syeikh Sulaiman al-Jamal, Kitab *Hasyiah al-Jamal*, Dar al-Ihya at-Thurats, Jil 2, hlm 470.

Muhammad bin 'Umar bin 'Ali bin Nawawi al-Jawi Abu Abdul al-Mu'thi, Kitab *Nihayah az-Zin Fi Irsyad al-Mubtadiin*, Dar al-Fikri, Jil 1, hlm 210.

Taqiyuddin Abu Bakar bin Muhammad al-Husaini al-Hushni ad-Dimashqi asy-Syafi‘e, Kitab *Kifayah al-Akhyar Fi Hilli Ghayah al-Ikhtishar*, Maktabah Mishkah al-Islamiyyah, Jil 1, hlm 219.

Hasan bin Ahmad bin Muhammad al-Kaf, Kitab *at-Taqirat as-Sadidah Fi al-Masail al-Mufidah*, Dar al-Mirats an-Nabawi, hlm 498.

Al-Ustaz ad-Doktor Muhammad az-Zuhaili, Kitab *al-Mu‘tamad Fi Fiqh asy-Syafi‘e*, Dar al-Qalam, Jil 2, hlm 392.

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam tahun 1998: Keuzuran yang mengharuskan tidak bermalam (mabit) di Mina tanpa dam.

Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam tahun 2004: Maksud separuh malam.

Irsyad Hukum, Tahun 2012, Himpunan Siri Bimbingan Hukum di Pelita Bunei, Jabatan Mufti Kerajaan.